



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 5/1977**

*Tindakan Di Bawah Sekyen 124(7) Kanun Tanah Negara Untuk Menguatkuasakan
Arahan Dari Pihak Berkuasa Negeri*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar-pendaftar Hakmilik Tanah dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai perlunya dipatuhi kehendak seksyen 124(7) Kanun Tanah Negara selepas kelulusan sesuatu permohonan di bawah seksyen 124(1).

2. Seksyen 124(7) Kanun Tanah Negara menghendaki Pendaftar atau Pemungut memasukkan ingatan ke dalam sesuatu suratan hakmilik apabila bertindak membuat catatan, pembatalan atau lain-lain tulisan ke dalamnya seperti yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri mengenai satu atau beberapa perkara yang berikut:

- (a) pengubahan mana-mana jenis kegunaan tanah;
- (b) mengenakan satu jenis kegunaan tanah yang baru;
- (c) pembatalan syarat nyata atau sekatan kepentingan;
- (d) memansuhkan perkataan 'padi';
- (e) pindaan kepada syarat nyata atau sekatan kepentingan;
- (f) mengenakan syarat nyata yang baru; dan
- (g) mengubah jumlah cukai yang perlu di bayar.

Peringatan atau nota adalah perlu dibuat bagi tiap-tiap tindakan tersebut di atas. Pendaftar atau Pemungut juga perlu merekodkan tarikh peringatan atau nota itu perlu dibuat dan kebenaran bagi tindakan tersebut dan selepas itu peringatan atau nota tersebut mahulah ditandatangani dan dimeterikan.

3. Tindakan di bawah seksyen 124(7) Kanun Tanah Negara hanyalah boleh diambil menurut kuasa yang diberi oleh satu arahan Pihak Berkuasa Negeri dan dengan itu satu salinan arahan tersebut perlulah difailkan di Pejabat Pendaftaran Hakmilik (Negeri atau Pejabat Tanah). Salinan arahan tersebut hendaklah dianggap sebagai satu dokumen yang diserahkan kepada Pendaftar atau Pemungut untuk membenarkan sesesuai perubahan dibuat di dalam daftar hakmilik tanah dan kekuatan dokumen ini adalah juga seperti satu perintah Pemungut.

4. Pendaftar-pendaftar dan Pemungut-pemungut adalah dengan ini dinasihatkan bahawa untuk tindakan di bawah seksyen 124(7) Kanun Tanah Negara, satu salinan arahan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah terlebih dahulu difailkan dan tindakan-tindakan hendaklah diambil untuk memasuk dan mengesahkan peringatan atau nota-nota bagi tindakan-tindakan yang disebutkan di perenggan 2 di atas.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 419

Kuala Lumpur